

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

SPU 307 - Institusi-Institusi Politik

Tarikh : 10 April 1988

Masa : 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
[3 jam]

---

Jawab SOALAN 1 dan DUA soalan lain.

1. [a] Apakah yang anda fahamkan tentang "institusi" dan "proses institusionalisasi." Gunakan contoh-contoh.  
[b] Apakah yang anda fahamkan tentang "keperlembagaan" (constitutionalism).  
[100 markah]
  
2. [a] Apakah faktor-faktor yang menggalakkan sistem dua dewan di majlis-majlis perundangan?  
[b] Mengapakah sistem jawatankuasa semakin popular di negara-negara demokratik? Apakah kesan sistem jawatankuasa kepada peranan dan kuasa majlis-majlis perundangan seluruhnya.  
[100 markah]
  
3. Zaman kini pernah dikatakan "zaman kemerosotan majlis-majlis perundangan." Apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan ini. Mengapakah majlis-majlis perundangan semakin merosot kuasanya?  
[100 markah]

...2/-

4. Apakah fungsi-fungsi utama majlis perundangan? Dengan menggunakan contoh-contoh dari sebuah negara yang anda kenali, buat penilaian tentang kekesan majlis perundangan dalam menjalankan fungsi-fungsi tersebut.

[100 markah]

5. Apakah erti "eksekutif"? Apakah fungsi-fungsi utama "eksekutif." Apakah yang dimaksudkan dengan "eksekutif kabinet"?

[100 markah]

6. Perlembagaan selalu sahaja dicemuh sebagai sesuatu yang kaku yang tidak menggambarkan kekompleksan dan kepentingan politik sebenar. Namun ia terus wujud di hampir semua negara di dunia dan walaupun terdengar suara-suara kritis, ianya diarahkan kepada tuntutan mengubahnya dan bukan menghapuskannya. Komen.

[100 markah]

- oooOooo -